

JELAJAH FTROADPEDIA ZON TIMUR
KEMENTERIAN KERJA RAYA
PAHANG - TERENGGANU

PELANCARAN PROJEK
BENTONG BYPASS, PAHANG

KONVENSYEN USAHANITA
BINAAN (KUBINA) 2017

JANUARI - APRIL 2017

BINA ⁰¹

KEMENTERIAN KERJA RAYA

PEMBINAAN
CERUN KAEDAH
ROCK SHED DI
LALUAN FT185

ISSN 2600-8610



9 772600 861008

www.kkr.gov.my

KANDUNGAN BINA 01

JANUARI - APRIL 2017



B ERITA

- 03 — PELANCARAN PROJEK BENTONG BYPASS, PAHANG
 - 04 — MINGGU PEMBINAAN ANTARABANGSA 2017
 - 05 — KONVENSyen USAHANITA BINAAN (KUBINA) 2017
 - 06 — PEMBINAAN CERUN KAEDAH ROCK SHED DI LALUAN FT185
 - 07 — PEMBUKAAN JALAN KELUAR-MASUK PERSIMPANGAN BERTINGKAT KUANG SISTEM
- PERSIMPANGAN BERTINGKAT TAMAN DESA, LEBUHRAYA BARU PANTAI (NPE)

K HAS

- 08 — LAWATAN TAPAK FTROADPEDIA ZON TIMUR
- 09 — PROJEK PEMBINAAN LALUAN BERTINGKAT DI PERSIMPANGAN JALAN BUKIT UBI, KUANTAN PAHANG
- PROJEK KUALA TERENGGANU BYPASS, TERENGGANU
- 10 — JELAJAH FTROADPEDIA ZON TIMUR KEMENTERIAN KERJA RAYA PAHANG - TERENGGANU

M EDIA SOSIAL

- 18 — LAPORAN

A KHBAR

- 19 — KERATAN AKHBAR



Menteri Kerja Raya dan Menteri Pengangkutan menandatangani plak perasmian projek CSR Bentong Bypass

PELANCARAN PROJEK BENTONG BYPASS, PAHANG

Bentong, 5 Januari 2017

Menteri Kerja Raya dan Menteri Pengangkutan Malaysia merasmikan pelancaran Bentong Bypass iaitu sebahagian pakej Projek Central Spine Road (CSR),

Pahang. Jalanraya sepanjang 28.5km ini merupakan laluan alternatif kepada Jalan Persekutuan FT08 yang menyaksikan peningkatan kadar trafik saban tahun dan bakal menjadi pemangkin kepada pembangunan infrastruktur dan ekonomi di sepanjang koridor Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

Projek ini yang telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dengan kos yang diluluskan sebanyak RM578.25 juta. Projek ini dibahagikan kepada tiga (3) Seksyen Pembinaan iaitu Seksyen 5C1, Seksyen 5C2 dan Seksyen 5D yang telah dimulakan secara berperingkat mulai November 2015 dan dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).

Skop projek Bentong Bypass ini ialah membina jalan baru empat lorong dua hala dengan piawaian JKR R5 sepanjang 28.5km.

Secara umumnya, Projek CSR bermula dari Kuala Krai, Kelantan ke Simpang Pelangai, Pahang sepanjang 350km, dibahagikan kepada enam (6) pakej utama iaitu:

Pakej 1

Kuala Krai ke Jambatan Sg. Lakit, Kelantan (**47km**)

Pakej 2

Jambatan Sg. Lakit ke Gua Musang, Kelantan (**59km**)

Pakej 3

Gua Musang ke Kg. Relong, Kuala Lipis, Pahang (**92.5km**)

Pakej 4

Kg. Relong, Kuala Lipis ke Raub, Pahang (**50km**)

Pakej 5

Raub ke Bentong, Pahang (**54km**)

Pakej 6

Bentong ke Simpang Pelangai, Pahang (**47.5km**)

Pada masa ini keutamaan kerajaan adalah untuk melaksanakan sebahagian Pakej 3 iaitu dari Mentara ke Kampung Seberang Jelai, Pahang sepanjang 61.15km berdasarkan faktor keselamatan (kawasan kemalangan).



01



02



03

MINGGU PEMBINAAN ANTARABANGSA 2017:

KUALITI DAN KESELAMATAN PACU TRANSFORMASI INDUSTRI PEMBINAAN

Kuala Lumpur , 13 April 2017

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Malaysia telah menganjurkan Minggu Pembinaan Antarabangsa 2017 (ICW 2017) yang menjadi tuan rumah kepada

15,000 profesional industri daripada komuniti pembinaan antarabangsa untuk bertemu dan berkongsi idea.

Mengulas tema ICW 2017 “Ke Arah Meningkatkan Kualiti dan Keselamatan Dalam Pembinaan”, Menteri Kerja Raya, Dato’ Sri Haji Fadillah berkata: “Kualiti dan keselamatan sentiasa dipentingkan dalam industri pembinaan. Di bawah Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP), Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme merupakan teras strategik pertama dalam

agenda transformasi industri. Kualiti dan keselamatan, apabila digabungkan, akan menjadi formula amat berkesan untuk meningkatkan imej dan persepsi industri pembinaan Malaysia di khalayak ramai dan seluruh dunia.

Lebih 100 peserta mempamerkan produk, teknologi, projek dan juga menjalin perkongsian baru di Ecobuild Southeast Asia iaitu pameran utama acara tahunan berprestij itu.

Pelbagai aktiviti juga diadakan sempena ICW 2017 bagi menarik minat mereka yang ingin menceburi industri pembinaan sebagai profesional, seperti Pameran Kerjaya Pembinaan, Pertandingan Idea Terbuka dan Chemical Research Paper Competition.

Malah, satu perbincangan meja bulat penggiat industri Persidangan Kepimpinan Keselamatan Pembinaan Antarabangsa yang julung kali diadakan dan telah dipengerusikan oleh Dato’ Sri Haji Fadillah Yusof bagi memajukan prestasi keselamatan dan kesihatan dalam industri.

01 *Pelancaran buku Master Plan For Occupational Safety And Health In Construction Industry 2005 – 2010 sempena ICW*

02 *Menteri Kerja Raya (tengah) bersama Ketua Eksekutif CIDB (kanan sekali) sewaktu melawat ruang pameran*

03 *Ahli Kelab Pembinaan CIDB Negeri Melaka yang turut menyertai pameran ICW 2017*

KONVENSYEN USAHANITA BINAAN (KUBINA) 2017

Kuala Lumpur, 11 April 2017

Kementerian Kerja Raya (KKR) julung kalinya menganjurkan Konvensyen Usahanita Binaan (KUBINA) 2017 kali Ke-4 bersama rakan strategik iaitu Lembaga

Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) bertempat di MATRADE Kuala Lumpur bertemakan “Wanita Pemacu Inovasi Negara”. Konvensyen telah berjaya menarik minat 600 penyertaan terdiri daripada usahanita dan wanita profesional. Konvensyen ini turut mendapat kerjasama daripada Pertubuhan Wanita Industri Binaan Malaysia (WIBM).

Majlis penutupan KUBINA 2017 disempurnakan oleh Menteri Kerja Raya, YB Dato’ Sri Haji Fadillah Haji Yusof yang turut melawat 18 gerai pameran yang mempamerkan maklumat terkini, produk dan perkhidmatan berkaitan industri pembinaan.

Objektif utama penganjuran konvensyen ini adalah untuk membina ruang intelek dan diskusi yang aktif dan proaktif, membuka peluang dan potensi perniagaan, mengembangkan budaya penerokaan ilmu serta menjadi platform usahanita bertukar idea dan rangkaian.

Antara pencapaian KUBINA sejak pelaksanaannya pada 2014 adalah penubuhan persatuan Wanita Industri Binaan Malaysia (WIBM) dan juga telah memperkenalkan anugerah bagi mengiktiraf sumbangan wanita dalam industri pembinaan melalui Malaysian Construction Industry Excellence Awards (MCIEA).



01



02

01 Menteri Kerja Raya dan Timbalan Menteri Kerja Raya melawat pameran KUBINA

02 Barisan Tetamu Kehormat sewaktu majlis perasmian KUBINA

PEMBINAAN CERUN KAEDAH ROCK SHED DI LALUAN FT185



Simpang Pulai, 24 Januari 2017

Kejuruteraan cerun negara mencapai satu lagi kejayaan apabila jurutera-jurutera Cawangan Kejuruteraan Cerun (CKC) Jabatan Kerja Raya (JKR) dan JKR Daerah Kinta berjaya

merealisasikan pembinaan struktur half tunnel yang lebih dikenali di seluruh dunia sebagai rock shed di peringkat antarabangsa.

Majlis flag off rock shed di Seksyen 46 Laluan Persekutuan 185 Jalan Simpang Pulai, – Blue Valley, Perak ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Rosnah Binti Hj. Abdul Rashid Shirlin, Timbalan Menteri Kerja Raya yang turut dihadiri YB Dato' Zainol Fadzi Paharuddin, Exco Kemudahan Awam, Infrastruktur, Tenaga dan Air Negeri Perak.

01

Struktur ini dibina bagi melindungi jajaran jalan dari tertimbus sekiranya runtuh tanah terjadi sekaligus menyelamatkan pengguna laluan tersebut. Pada masa yang sama, kerja-kerja tanah dari pemotongan bukit dapat dikurangkan seterusnya mengurangkan kesan negatif kepada alam sekitar. Kaedah rock shed ini banyak digunapakai di negara-negara luar seperti Jepun dan Switzerland.

Rock shed ini telah dibina dengan panjang keseluruhan 344 meter dengan kemudahan 2 lorong 2 hala. Kerja-kerja pembaikan cerun ini telah dimulakan pada 29 Januari 2014 dan akan siap pada 8 Februari 2017 dengan nilai kontrak pembaikan cerun sebanyak RM22,339,000.00.



01 Struktur binaan kaedah Rock Shed bagi mengawal cerun

02 Timbalan Menteri Kerja Raya melakukan pelepasan kenderaan sebagai gimik perasmian

02

A

PEMBUKAAN JALAN KELUAR- MASUK PERSIMPANGAN BERTINGKAT KUANG SISTEM

Rawang, 9 Januari 2017

Pembukaan jalan keluar-masuk di Persimpangan Bertingkat Kuang Sistem telah disempurnakan oleh Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof. Jalan keluar-masuk ini

menyediakan laluan yang lebih mudah dan cepat dari Kuala Lumpur ke Kundang serta kawasan sekitarnya di utara Selangor.

Melalui laluan dari Plaza Tol Rawang Selatan, Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS), jarak dan masa perjalanan dari ibu negara akan dikurangkan kira-kira 10 km atau 15 minit. Jalan keluar-masuk ini juga akan menyediakan laluan sambungan terus ke tapak pembangunan Gamuda Gardens oleh Gamuda Land dengan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) melebihi RM10 bilion iaitu kawasan pembangunan bercampur seluas 810 ekar.



02 Meninjau model pembangunan sekitar tapak projek pembangunan sekitar tapak projek



01 Perasmian Pembukaan Persimpangan

B

PERSIMPANGAN BERTINGKAT TAMAN DESA, LEBUHRAYA BARU PANTAI (NPE)

Kuala Lumpur, 11 April 2017

Pembukaan Tanjakan Hubungan Kuchai di Persimpangan Bertingkat Taman Desa, Lebuhraya

Baru Pantai (NPE) memberikan manfaat kepada pengguna lebuhraya yang tidak perlu lagi menunggu di persimpangan lampu isyarat Kuchai Lama dan masa perjalanan dapat dikurangkan kira-kira 10 minit pada waktu puncak di sebelah pagi.

Tanjakan sepanjang satu kilometer merangkumi laluan bertingkat yang mengunjur ke Tenggara daripada Lebuhraya Besraya sehingga Lebuhraya NPE ini mula dibina pada 20 Jun 2015 dan telah siap dibina pada 27 Februari 2017 menyediakan laluan satu lorong satu hala. Tanjakan Hubungan

Kuchai yang dibina dengan kos RM56 juta ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof, Menteri Kerja Raya.



03



03 Acara perasmian

04 Menteri Kerja Raya menandatangani plak tanda kenangan

04

Jelajah **FTROADPEDIA** KEMENTERIAN KERJA RAYA

JELAJAH FTROADPEDIA ZON TIMUR: CIPTA DETIK INDAH BERSAMA

Kuala Terengganu, 24 Februari 2017

Kementerian Kerja Raya dengan kerjasama JKR Malaysia, JKR Negeri Pahang dan JKR Negeri Terengganu telah menganjurkan Jelajah FTRoadpedia Zon Timur selama tiga hari iaitu dari

23 hingga 25 Februari 2017 dengan jumlah jarak perjalanan sejauh 511 km.

Objektif utama Jelajah FTRoadpedia Kementerian Kerja Raya 2017 ialah menyerlahkan lagi (highlight) Jalan Persekutuan sebagai jalan utama dan bukannya jalan alternatif sebagaimana dipersepsikan oleh masyarakat kini selain menggalakkan rakyat Malaysia menggunakan Jalan Persekutuan sebagai suatu nikmat kembara budaya dan gaya hidup melalui slogan "Cipta Detik Indah Bersama" (Let's Create A Moment).



02



01

Upacara simbolik program adalah penyerahan Travel Guide dan Infomap FTRoadpedia Zon Timur oleh YBhg. Ketua Pengarah Kerja Raya kepada YB Dato' Sri Hj. Fadillah Yusof, Menteri Kerja Raya.

Jelajah FTRoadpedia Zon Timur merupakan jelajah kali kedua program seupamanya. Program kali kedua ini mengekalkan konsep jelajah turun padang yang diketuai oleh YB Menteri Kerja Raya bersama-sama Pengurusan Atasan Kementerian dan Ketua-Ketua Agensi dan turut disertai pengamal-pengamal media dan rakan KKR.



03

- 01 *Majlis Perlepasan bas FTRoadpedia simbolik perasmian Jelajah*
- 02 *Tetamu kehormat bersedia memulakan Jelajah*
- 03 *Plak ditandatangani sewaktu majlis penyerahan Travelguide dan Infomap Jelajah*

LAWATAN TAPAK FTROADPEDIA ZON TIMUR

A

PROJEK PEMBINAAN LALUAN BERTINGKAT DI PERSIMPANGAN JALAN BUKIT UBI, KUANTAN PAHANG




5

100 ribu penduduk bakal menerima impak positif antaranya penduduk di pusat bandar Indera Mahkota, Bukit Setongkol, Kotasas, Bukit Istana

6

Penjimatan masa menunggu lampu isyarat dianggarkan daripada 45 minit kepada 10 minit di persimpangan Bukit Ubi

Jajarannya bermula daripada Simpang Tok Molor, Jalan Tok Adis (T12) ke Kampung Durian Burung di Jalan Persekutuan FT03 Kota Bharu – Kuala Terengganu. Projek ini dijangka siap pada Januari 2019.



Skop projek ini melibatkan pembinaan jalan baru empat (4) lorong sepanjang 5.875 km dengan Piawai Rekabentuk U5, empat (4) jejambat, 2 buah 'Vehicular Box Culvert' (VBC) serta pemasangan lampu jalan dan lampu isyarat

1

Merupakan projek diluluskan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak sewaktu program walk-about di Kuantan pada tahun 2014 dan dibina dengan kos kira-kira RM40 juta

2

Bertujuan mengurangkan masalah kesesakan aliran trafik Bandar Kuantan terutama di waktu puncak yang mencapai kadar aliran melebihi 10 ribu kenderaan sehari.

3

Laluan bertingkat ini berukuran 650 meter panjang, berkapasiti 4 lorong dua hala iaitu 2 lorong keluar dan 2 lorong masuk,

4

Laluan persimpangan bertingkat ini juga dilengkapi sistem lampu jalan dan lampu isyarat yang baru.


B

PROJEK KUALA TERENGGANU BYPASS, TERENGGANU

Projek ini bernilai RM321 juta dan daripada nilai tersebut, sebanyak RM167 juta merupakan kos kontrak manakala kos pengambilan tanah sebanyak RM154 juta.



Bakal memberi manfaat kepada 70,000 orang penduduk terutamanya penduduk di kawasan pembangunan Bandar Baru Bukit Besar.





Penjimatan masa, daripada 30 minit kepada 10 minit.

JELAJAH FTROADPEDIA ZON TIMUR KEMENTERIAN KERJA RAYA PAHANG - TERENGGANU

- | | |
|--------------------------|------------------------|
| 1 <u>KUALA LUMPUR</u> | 7 <u>CHERATING</u> |
| 2 <u>BENTONG / KARAK</u> | 8 <u>KEMAMAN</u> |
| 3 <u>LANCHANG</u> | 9 <u>DUNGUN</u> |
| 4 <u>TERMELOH</u> | 10 <u>MARANG</u> |
| 5 <u>MARAN</u> | 11 <u>K.TERENGGANU</u> |
| 6 <u>KUANTAN</u> | |




“CIPTA DETIK
INDAH BERSAMA”



DADPEDIA

KEMENTERIAN KERJA RAYA





Semantan, Sarawak
02/02/2017

Lawatan Kerja Menteri Kerja Raya Ke Projek
Lebuhraya Pan Borneo Jajaran Telok Melano



Dewan MATRADE, Kuala Lumpur
08/03/2017


Majlis Pemakaian Pangkat Kehormat RELA
kepada Ahli Parlimen Malaysia





Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid, KKR
18/04/2017

Perhimpunan Bulanan KKR dan Ikrar Bebas Rasuah SPRM oleh semua warga Kerja Raya



LEKAS Lebuhraya Kajang-Seremban
15/04/2017

Kayuhan Basikal RHB Shimano Night Ride Lebuhraya LEKAS 2017



Plaza Tol Rawang, Lebuhraya Utara Selatan
11/01/2017

Tinjauan Timbalan Menteri Kerja Raya ke atas penggunaan Alat Penimbang Kenderaan Berat di Plaza Tol Rawang



Auditorium Kompleks Kerajaan Persekutuan Negeri Sabah
14/02/2017

Sesi Taklimat Peluang-Peluang Pakej Kerja dan Pembiayaan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah kepada Kontraktor Bumiputera Sabah





**Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid,
KKR**

28/02/2017

Perhimpunan Bulanan Kementerian
Kerja Raya bagi bulan Februari 2017



Bilik Seroja, KKR
27/01/2017

Kunjungan Hormat Delegasi
Kuwait ke Kementerian
Kerja Raya





Bilik Tanjung, KKR
28/02/2017

Majlis Menandatangani MoU Pendaftaran Graduan Kejuruteraan Secara Pukal antara LJM - UM UKM UITM UTHM UMP MMU TAYLOR'S



Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid, KKR
20/01/2017

Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kementerian Kerja Raya





**Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid,
KKR**

09/03/2017

Majlis Persaraan Timbalan Ketua Pengarah
Kerja Raya YBhg. Dato' Ir. Haji Hasnul bin
Mohammad Salleh



Wisma TV, RTM Angkasapuri

10/04/2017

Sesi Temubual Slot Selamat Pagi Malaysia, TV1 RTM bersama Timbalan Menteri Kerja
Raya, YB Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin dan YBhg. Dato' Abd.Razak Bin Jaafar,
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Pembangunan), Kementerian Kerja Raya bagi
mempromosikan program KUBINA 2017



TWITTER

Jan 2017 • 31 days

Top Tweet earned 13.7K impressions
Laporan bencana Kuala Lipis @UMonline @bharianmy @bernamadotcom @kosmo_online @staronline @malaymail @NST_Online @hmetromy @RTM_Malaysia twitter.com/JKRPAHANG/stat...

Top mention earned 946 engagements
JKR PAHANG @JKRPAHANG Jan 24
Laporan banjir, FT03 Jin endau - kuantan, 24/1, 3.30pm @JKR Pekan @JKRMalaysia @RakanKKR @MOWorks @JDJKR Pekan @KawanPekan @PekanTV pic.twitter.com/luDAeA33z

Top Follower followed by 50K people
temerlohman @temerlohman

Top media Tweet earned 6,070 impressions
7 Tips Keselamatan Jalan Raya yang wajib diamalkan untuk keselamatan diri, keluarga dan orang lain @JKRMalaysia @LLMinotrafik @PetraJayaMP pic.twitter.com/ahoxANdJx

JAN 2017 SUMMARY
Tweets: 304 | Tweet impressions: 292K
Profile visits: 3,522 | Mentions: 1,082
New followers: 254

Feb 2017 • 28 days

Top Tweet earned 5,790 impressions
Bas jelajah FTRoadpedia Zon Timur telah memulakan perjalanan pagi ini. Rakam media turut sama menyertai jelajah #FTRoadpedia hari ini

Top mention earned 472 engagements
Roslan Md Taha @RoslanMdTaha Feb 21
Engagement DS KSU @MINDEFMalaysia & pegawai kanan ke Pej KPKR @JKRMalaysia bincang hala tuju & pelaksanaan projek RMK11 @DrAliiHamsa @MOWorks pic.twitter.com/b1T6Z1CMK1

Top Follower followed by 31.5K people
ANUGERAH KECEMERLANGAN INDUSTRI 2016

MITI Malaysia @MITIMalaysia
MITI promotes international trade, investment and entrepreneurship in Malaysia. Facebook https://t.co/HQ3gTURBU

Top media Tweet earned 5,673 impressions
Lebuhraya KL-Karak yg boleh dilihat dari jin psekutuan #FT2 #FTRoadpedia #FTRoadpediaZonTimur #CiptaDetikindahBersama pic.twitter.com/y4VJL9ZE1E

FEB 2017 SUMMARY
Tweets: 172 | Tweet impressions: 218K
Profile visits: 3,428 | Mentions: 987
New followers: 147

Mar 2017 • 31 days

Top Tweet earned 6,019 impressions
SKVE tarik balik pelaksanaan tambah nilai minimum RM30 Touch n' Go yg sepatutnya bermula semalam. @SKVEInfo @MyTouchnGo @LLMinotrafik @PetraJayaMP pic.twitter.com/uhHGBU5zMaA

Top mention earned 691 engagements
Misiah Taib @MisiahTaib Mar 11
YAB CM Sarawak, YBM @KB5Malaysia @Khairykj & YBM @MOWorks @PetraJayaMP bersama kira2 dua ribu bela & pelajar di Dualog TN50 @RakanKKR pic.twitter.com/32Nf8vfd

Top Follower followed by 7,299 people
Universiti Putra Malaysia @UniPutraMalaysia

Top media Tweet earned 5,345 impressions
Penutupan lorong bagi kerja pembaikan dan naiktaraf Lebuhraya Utara - Selatan @PetraJayaMP @LLMinotrafik @plustrafik @KembaraPLUS @LLMKP pic.twitter.com/GAvPIf26j

MAR 2017 SUMMARY
Tweets: 251 | Tweet impressions: 224K
Profile visits: 3,305 | Mentions: 1,175
New followers: 149

Apr 2017 • 30 days

Top Tweet earned 5,712 impressions
International Constructional Week 2017 #ICW2017 Towards Enhancing Quality and Safety in Construction sebentar lagi bersama YBM @PetraJayaMP pic.twitter.com/ZqNWA1g3KL

Top mention earned 2,380 engagements
Rosnah Shirlin @Rosnah_ARS Apr 18
Hari ini kolam di Bangunan Parlimen dikejutkan dengan lawatan istimewa seekor rusa @MOWorks @CIDB_Malaysia @RakanKKR @JKRMalaysia pic.twitter.com/ukOUP8Juv

Top Follower followed by 26.1K people
Malay Mail Online @themalayonline

Top media Tweet earned 3,519 impressions
KSU @MOWorks @ZohariAkob hadir ke Sesi Taklimat Peluang2 Pakej Kerja Projek2 Lebuhraya seliaan LLM di bwh inisiatif Carve-out & Compete. pic.twitter.com/JSrkN9rdIM

APR 2017 SUMMARY
Tweets: 201 | Tweet impressions: 210K
Profile visits: 2,690 | Mentions: 794
New followers: 151



FADILLAH YUSOF (dua dari kiri) mendengar penerangan Abdul Sahak Safi (kiri) mengenai pembangunan Gamuda Gardens semasa melawat pameran persampangan Bertingkat Kuang Sistem di Rawang, Selangor, semalam. - UTUSAN/ GHAZALI BASRI

Persimpangan Bertingkat Kuang Sistem pacu ekonomi setempat

KUALA LUMPUR 9 Jan. - Pembukaan Persimpangan Bertingkat Kuang Sistem hari ini bukan sahaja memberi manfaat kepada kira-kira 230,000 penduduk setempat, malah bakal memacu aktiviti dan pertumbuhan ekonomi di kawasan berkenaan.

Jalan keluar-masuk yang terletak di persimpangan Lebuhraya Kuala Lumpur-Kuala Selangor (Latar), Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) dan Lebuhraya Koridor Guthrie (GCE) itu menyediakan laluan sambungan terus ke tapak pembangunan Gamuda Gardens situ kawasan pembangunan bercampur seluar 327 hektar.

Persimpangan yang melalui Plaza Tol Rawang Selatan PLUS, menelan kos kira-kira RM30 juta ini mampu menjimatkan kira-kira 15 minit atau 10 kilometer.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof yakin pembukaan Persimpangan Bertingkat Kuang Sistem ini akan mendorong pembangunan pesat di kawasan sekitar Kundang dan Kuang serta meningkatkan tahap sosio-ekonomi penduduk.

"Kita menjangkakan kira-kira 330,000 penduduk setempat akan mendapat manfaat kerana

"Sebaik selesai tempoh percubaan, kita akan bantangkan hasil laporan itu di Kabinet untuk dipasangkan di jalan-jalan Persekutuan dan kawasan berisiko kemalangan," ujarnya.

Selubungannya itu Fadillah meminta LLM bekerjasama dengan syarikat konsesi untuk tujuan pemasangan sistem penghadang jalan keselamatan beroda.

Ditanya mengenai perkembangan insiden jambatan konkrit yang dalam pembinaan di KL Eco City di Kampung Abdullah Itukum, Jalan Bangsar di sini yang runtuh dua bulan lalu, Fadillah berkata, beliau masih menunggu laporan penuh daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan.

"Saya sudah terima laporan awal, saya tidak mahu dedah sekarang. Takut tidak tepat. Masih ada beberapa ujian forensik yang sedang dilakukan untuk mengukuhkan laporan awal itu, ujarnya.

Dalam kejadian itu, seorang pekerja pembinaan Vietnam maut manakala empat orang yang lain cedera selepas sebuah jambatan pejalan kaki dalam pembinaan runtuh.

Laporan teknologi jalan turapan getah awal 2018

16/3/2017 MSB SH

LAPORAN keberkesanan penggunaan teknologi pembinaan jalan berasaskan turapan getah hanya akan diketahui awal tahun depan.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, laporan itu akan disediakan pasukan penilaian yang terdiri Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Getah Malaysia berlandaskan tiga lokasi perintis di Tampin, Negeri Sembilan, Baling, Kedah dan Lanchang, Pahang.

"Pemerhatian awal mendapati turapan jalan gunakan CMA (Asfalt Terubahsuai Getah Bekuan) di lokasi perintis itu menunjukkan tanda positif. Antara kelebihan guna CMA ialah dapat beri rintangan lebih baik ke atas faktor yang boleh menyebabkan

Turapan jalan yang menggunakan CMA di lokasi perintis itu menunjukkan tanda-tanda yang positif."

- Fadillah



kerusakan jalan seperti retakan dan aluran.

"Bagaimanapun, kos pembinaan jalan menggunakan CMA lebih tinggi iaitu RM53 per meter berbanding RM29 per meter jika menggunakan kaedah konvensional namun kos penyelenggaraan jalan CMA lebih rendah berbanding

jalan konvensional," katanya menjawab soalan Datin Mastura Mohd Yazid (BN-Kuala Kangsar) yang meminta JKR menyatakan faedah dan kaedah serta kos perbandingan pembuatan jalan raya yang diguna pakai sekarang dengan jalan raya berasaskan getah yang mahu dilaksanakan. - *Bemama*

Kajian cadangan naik had laju 130 km/j

KUALA LUMPUR 22 MAC

KEMENTERIAN Kerja Raya bersedia berunding dengan Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKR) untuk membuat kajian baharu berkenaan cadangan menaikkan had laju lebuh raya di negara ini kepada 130 kilometer sejam (km/j).

Menterinya, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, Kementerian akan memaklumkan cadangan tersebut kepada JKR dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) bagi memberi pandangan berkenaan aspek keselamatan.

Beliau berkata, bentuk jalan raya di negara ini adalah sesuai untuk kelajuan maksimum 120 km/j.

Dalam konteks had laju jalan raya bukan sahaja ditetapkan Jabatan Kerja Raya (JKR) tetapi dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan melalui JKR dan MIROS yang memberi pandangan dari sudut keselamatan.

"Oleh itu, jika dirundingkan bersama dengan JKR dan MIROS, kita boleh pertimbangkan

Jalan keluar-masuk Sistem Persimpangan Bertingkat Kuang mula dibuka semalam Beri manfaat 300,000 pengguna

RAWANG - Lebih 300,000 pengguna Lebuh raya sekitar Rawang mendapat manfaat apabila jalan keluar-masuk Sistem Persimpangan Bertingkat Kuang di sini mulai dibuka kepada orang ramai semalam.

Laluan sepanjang 2.1 kilometer (km) ini terletak di persimpangan Lebuhraya Kuala Lumpur-Kuala Selangor (LATAR), Lebuhraya Koridor Guthrie (GCE) dan Lebuhraya Utara Selatan (PLUS).

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, pembukaan laluan bertaraf rintis ini akan memberi manfaat kepada kira-kira 300,000 pengguna Lebuh raya sekitar Rawang.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, pembukaan laluan bertaraf rintis ini akan memberi manfaat kepada kira-kira 300,000 pengguna Lebuh raya sekitar Rawang.

"Mula-mula, kita akan melakukan kajian baharu mengenai cadangan menaikkan had laju lebuh raya di negara ini kepada 130 kilometer sejam (km/j)."

Beliau berkata, bentuk jalan raya di negara ini adalah sesuai untuk kelajuan maksimum 120 km/j.

Dalam konteks had laju jalan raya bukan sahaja ditetapkan Jabatan Kerja Raya (JKR) tetapi dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan melalui JKR dan MIROS yang memberi pandangan dari sudut keselamatan.

"Oleh itu, jika dirundingkan bersama dengan JKR dan MIROS, kita boleh pertimbangkan

6,778 syarikat kontraktor bumiputera guna IBS

KUALA LUMPUR 7 APRIL

SEKUALAH 6,778 syarikat daripada 8,170 buah merupakan syarikat kontraktor bumiputera yang mengguna pakai teknologi sistem bangunan berindustri (IBS) sebelum Disember 2016.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, selain itu sebanyak 72 syarikat bumiputera juga telah dikenal pasti sebagai syarikat pengeluar komponen menggunakan teknologi IBS dan tiga daripadanya merupakan syarikat yang mengahut sistem lengkap IBS.

Beliau berkata, daripada jumlah tersebut, ia menyenaraikan Kementerian komited untuk meningkatkan penggunaan teknologi IBS dalam industri pembinaan negara.

"Kita kita giat membangunkan



FADILLAH YUSOF (kiri) bersama Husni Salleh dalam sidang akhbar di Makmal Sindikasi Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera di Putrajaya, semalam.

semula sekolah-sekolah daif di seluruh negara dengan menggunakan teknologi IBS.

"Kementerian juga kini turut membuka bidan projek pembinaan sekolah-sekolah ini kepada bukan sahaja kontraktor malah syarikat pengeluar komponen IBS juga. Ini supaya isu-isu kekurangan

kebaikan komponen dapat diatasi," katanya kepada pemberita selepas melawat Makmal Sindikasi Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera (BETR) 2.0 di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Unit Penerimaan Agenda Bumiputera (Teraju), Datuk Husni Salleh.

Makmal sindikasi BETR 2.0 merupakan inisiatif Majlis Ekonomi Bumiputera (MEE) yang menyokong hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk melihat seluruh jentera kerajaan dibantakan dalam pelaksanaan agenda transformasi ekonomi bumiputera.

Sebanyak 25 buah Kementerian bersama agensi-agensinya, syarikat milik kerajaan (GLC) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkemampuan selama tujuh hari di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PIC) bagi memberi idea dan saranan dalam usaha memantapkan agenda transformasi ekonomi bumiputera.

Fadillah berkata, Kementerian turut menggalakan lebih banyak penyertaan syarikat bumiputera dalam teknologi IBS kerana ia dapat mencipta kekayaan sekali gus mengurangkan ketergantungan terhadap tenaga kerja luar.

50% PLUS toll rebate for CNY

> Offer only for off-peak hours between midnight and 6am

BY AMAR SHAH MOHSEN newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: North-South Expressway and Elite Highway Class 2 vehicles using the electronic toll payment system will enjoy a 50% rebate if they pay their tolls between 12am and 6am on Jan 27 and 30, and Feb 3 and 4.

PLUS Malaysia Berhad managing director Datuk Azman Ismail said this was part of their strategy to distribute traffic and help the public enjoy smoother trips during the upcoming Chinese New Year (CNY) holidays.

"We want to distribute traffic which is usually high during the day, and to encourage more users to travel at night during the peak days," he said at a press conference yesterday.

Users can, for example, leave Kuala Lumpur around 9pm and arrive in Kedah around 2am on one of the designated days (Jan 27 and 30 or Feb 3 and 4) to enjoy the rebate.

Azman, however, explained that users are still required to pay the normal toll rates before the rebate is credited into their electronic cards (in a form of toll reloads) when they top up their cards at PLUS customer service centres between Feb 15 and May 14.

The rebate will also not be applicable for toll transactions at the Penang Bridge, Tanjung Kupang, Bukit Kaya Hitam and Sultan Iskandar Building toll plazas.



SIDANG REDAKSI

Penaung

YBhg. Dato' Sri Zohari Haji Akob
Ketua Setiausaha KKR

Penasihat

YBhg. Datuk Sarani Bin Dollah
Timbalan Ketua Setiausaha
Pengurusan KKR

Ketua Pengarang

Pn Noreha Mohd Ripin
Ketua Komunikasi Korporat

Pengarang

Haji Shahnun Mohamad
Fauzi Baharudin
Nur Sailsa Kamaruddin Nor Zaman
Nor Adilah Ab Ghani

Jurufoto

Mohd Faisal Bin Sahbudin
Hidayatul Sa'adiyah Binti Saad
Jurufoto Unit Komunikasi
Korporat dan Unit Perpustakaan &
Sumber Jabatan Kerja Raya


Urusetia

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kerja Raya

 pro@kk.gov.my

 www.kkr.gov.my

 KKR_MALAYSIA

 03 8000 8000

 Kementerian Kerja Raya Malaysia

 @MOWorks

 Kementerian Kerja Raya Malaysia